STAMFORD COLLEGE GROUP SDN. BHD.

lwn.

RAJA ABDULLAH RAJA OTHMAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL RAZAK H
[GUAMAN SIVIL NO. S6-22-798-89]
20 JUN 1990

KONTRAK: *Perjanjian perkhidmatan - Syarat perjanjian perkhidmatan - Sekatan - Sah - Injunksi sementara - Kedudukan seimbang - Mata pencarian - Undang-Undang Kontrak 1950, s. 28.*

Defendan R telah membuat satu perjanjian perkhidmatan dengan plaintif, Syarikat Stamford College (SC), sebagai seorang pensyarah di Maktab Jurusan Hotel dan Catering. Suatu dari syarat perjanjian ialah jika perkhidmatan R ditamatkan, R tidak boleh, dalam tempoh 2 tahun dari tarikh itu bekerja dengan mana-mana syarikat atau institusi sebagai seorang pensyarah atau guru tanpa kebenaran dari SC dan R tidak boleh menggunakan maklumat sulit yang diperolehinya didalam tempoh perkhidmatan itu. R telah berhenti berkerja dengan SC dan sekarang bekerja dengan PDC Sdn. Bhd. SC telah mendapat injunksi sementara untuk menghalang R dari bekerja dengan PDC. Kini, R memohon supaya injunksi sementara tersebut diketepikan. R berhujah bahawa sekatan yang dikenakan itu adalah dilarang oleh s. 28 Undang-Undang Kontrak.

Diputuskan:
[1] Soal yang harus ditanya ialah sama ada kerugian SC itu tidak boleh dibayar dengan ganti rosak, sekalipun SC berjaya nanti.

[2] Sekatan ini adalah tidak sah pada segi undang-undang dibawah seksyen itu dan kedudukan yang seimbang adalah memihak kepada R, kerana jika injunksi itu diteruskan dan ia tidak dibenarkan bersyarah di tempat lain mata pencariannya akan tergugat.

[Permohonan R dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Wrigglesworth lwn. Wilson Anthony [1964] 30 MLJ 269
Pertama Cabaret Nite Club Sdn. Bhd. lwn. Roman Tam [1981] MLJ 149

Perundangan yang dirujuk:
Contracts Act 1950, s. 28

Bagi pihak plaintif - T/n. P.L. Tan & Mah
Bagi pihak defendan - T/n. Khairuddin & Associates

PENGHAKIMAN

Abdul Razak H:

Pihak defendan memohon supaya injunksi sementara yang dikenakan oleh saya terhadapnya itu oleh pihak responden/plaintif diketepikan.

Pihak pemohon telah membuat satu perjanjian perkhidmatan dengan pihak plaintif iaitu Syarikat Stamford College, sebagai seorang pensyarah di Maktab Jurusan Hotel dan Catering. Adalah syarat perjanjian itu selain dari lain-lain bahawa jika perkhidmatannya ditamatkan defendan tidak boleh didalam tempoh dua tahun dari tarikh itu bekerja dengan mana-mana

syarikat atau institusi sebagai seorang pensyarah atau guru tanpa kebenaran dari pihak plaintif. Bahawa defendan tidak boleh bagaimanapun didalam tempoh itu menggunakan maklumat sulit (confidential information) yang diperolehinya didalam tempoh perkhidmatan itu. Apa yang berlaku ialah defendan telah berhenti dari perkhidmatan plaintif dan bekerja dengan Syarikat PDC Sdn. Bhd. yang memberi didikan Pengurusan Hotel, selain dari lain-lain.

Pihak defendan tidak menafikan ia telah menamatkan perkhidmatannya dengan pihak plaintif dan bekerja dengan Syarikat PDC semacam mana yang didakwa. Tetapi, katanya sekatan yang dikenakan itu adalah dilarang oleh s. 28 Undang-undang Kontrak yang berbunyi seperti berikut:

> Mana-mana perjanjian, di mana seseorang itu disekat (restrained) daripada menjalankan profesionnya yang sah (lawful), atau perniagaan, atau apa bentuk business, adalah tidak sah (void).

Pada pendapat saya sekatan ini adalah tidak sah pada segi undang-undang di bawah seksyen itu. Keadaan di sini adalah agak serupa fakta-faktanya dengan kes *Wrigglesworth lwn. Wilson Anthony* [1964] 30 MLJ 269. Di situ pihak defendan juga telah berkhidmat dengan pihak plaintif sebagai peguam. Adalah syarat perjanjian perkhidmatan antara kedua-dua pihak bahawa, pihak defendan tidak dibenarkan di dalam tempoh 2 tahun perkhidmatannya itu ditamatkan oleh plaintif, bekerja sebagai peguam di dalam sekitar 5 batu di Bandar Kota Bharu, di mana plaintif berada, tanpa kebenaran dari pihak plaintif. Defendan telah ditamatkan kerjanya oleh plaintif tetapi telah bertindak bekerja sebagai peguam di dalam Kota Bahru. Plaintif telah memohon Mahkamah supaya defendan disekat dari berbuat demikian, tetapi telah ditolak, kerana sekatan itu melanggar s. 28 tersebut.

Pihak plaintif telah merujuk saya kepada kes *Pertama Cabaret Nite Club Sdn. Bhd. lwn. Roman Tam* [1981] MLJ 149 di mana Mahkamah telah menghalang defendan seorang penyanyi cabaret dari Hongkong dari menyanyi di tempat-tempat lain di Kuala Lumpur, selain dari club plaintif. Defendan telah membuat perjanjian dengan plaintif bahawa jika perjanjian itu dibatalkan, defendan tidak dibenarkan menyanyi di tempat lain di Kuala Lumpur selama 3 bulan dari tarikh itu. Dia meskipun begitu melanggar syarat itu seperti tersebut di atas. Tetapi, kes itu hendaklah dibezakan. Di situ Mahkamah telah mengenakan injunksi sementara sehingga kes terhadap defendan itu dibicarakan. Mahkamah telah menyatakan bahawa, soal merit, sama ada perjanjian antara plaintif dan defendan itu sah atau tidak itu tidak dan belum berbangkit. Apa yang perlu diputuskan pada peringkat itu ialah cuma sama ada injunksi itu harus dikenakan atau tidak terhadap defendan, sementara menunggu perbicaraan. Mahkamah berpendapat injunksi itu perlu, kerana jika defendan dibenarkan menyanyi di mana-mana di Kuala Lumpur, dan kemudian nanti didapati bersalah, tuntutan terhadapnya akan menjadi sia-sia, kerana ia mungkin didapati telah lari balik ke Hongkong. Kes itu bermakna tidak tepat bagi masalah di sini.

Perbezaan telah dibuat oleh peguam di hadapan saya antara perjanjian yang menyekat terus perlaksanaan sesuatu perniagaan atau profesion seseorang, dan, perjanjian yang menghadkan (limited) cara (manner) perniagaan atau profesion itu dijalankan, yang mana katanya tidak melanggar s. 28, dan perjanjian di sini adalah berbentuk semacam itu. Tetapi, sekatan di sini bukan ditujukan kepada cara profesion itu dijalankan, tetapi kepada profesion itu sendiri. Bagaimanapun perkara itu harus dibicarakan.

Perlu juga dikaji sama ada sekatan yang dimaksudkan oleh s. 28 itu ialah sekatan yang akibatnya akan mengugat mata pencarian (livelihood) seseorang. Jika sekatan itu tidak mencapai kepada tahap itu, sekatan itu adalah sah. Soal yang harus juga ditanya ialah sama ada kerugian plaintif itu tidak boleh dibayar dengan ganti rosak, sekalipun pihak plaintif akan berjaya nanti. Di dalam kes *Pertama Cabaret Nite Club* di atas Suffian LP berkata kerugian yang ditimpa oleh plaintif, oleh kerana penyanyi itu telah menyanyi di tempat lain, boleh diganti dengan wang ringgit. Apakah gantirugi yang dialami oleh pensyarah plaintif di sini yang telah bersyarah di tempat lain itu tidak boleh diganti dengan wang ringgit harus disoal. Bagaimanapun kedudukan yang seimbang (balance of convenience) adalah memihak kepada defendan, kerana jika injunksi itu diteruskan dan ia tidak dibenarkan bersyarah di tempat lain mata pencariannya akan tergugat.

Saya memutuskan permohonan ini dibenarkan dengan bayaran kos.

Also found at [1991] 2 CLJ 1135